

Pembangunan Kampong Bharu diteruskan – Annuar Musa

PETALING JAYA – Projek pembangunan Kampong Bharu akan tetap diteruskan walaupun tidak mendapat 100 peratus persetujuan pemilik dan pewaris.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, semua program pembaharuan bandar termasuk di Kampong Bharu adalah mustahil untuk mendapat persetujuan setiap penduduk.

"Selagi tidak berani ubah syarat, selagi itu pembangunan tidak boleh berjalan. Kadang-kadang pemilik telah meninggal dunia atau tidak dapat dicari.

"Asalkan pemaju dapat lebih 50 peratus persetujuan, tetapi kita galakkan dapatkan 70 atau

80 peratus persetujuan, maka baki tidak setuju jangan jadikan halangan.

"Kita akan memudahkan menggunakan peruntukan undang-undang terutama Kanun Tanah Negara bagi membuat pengambilalihan," katanya pada bual bicara eksklusif yang disiarkan secara dalam talian semalam.

Terdahulu, Annuar berkata, semua pihak bersetuju bahawa Kampong Bharu sudah ketinggalan dan perlu dimajukan.

Menurutnya, langkah pertama Kementerian Wilayah Persekutuan adalah merangka pelan induk baharu bagi pembangunan Kampong Bharu.

"Kemudian Kampong Bharu dibahagikan kepada kawasan-kawasan yang lebih kecil supaya pembangunan dapat dilakukan kawasan demi kawasan," ujarnya.

Tambah beliau, suntikan kerajaan dalam aspek infrastruktur diperlukan antaranya menghubungkan Kampong Bharu ke Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH) atau Lebuhraya Duta - Ulu Kelang (DUKE) yang menelan belanja sekitar RM200 juta.

"Saya sudah berbincang dengan Menteri Kewangan, cuma perlu buat 'engagement' dengan pemegang taruh, tetapi sedikit terganggu kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," jelasnya.



KEMENTERIAN Wilayah akan merangka pelan induk baharu bagi pembangunan Kampong Bharu.